

# Hubungan MCA, Gerakan tidak seperti 'abang-adik'

BH 13/8/03

GEORGETOWN: Parti Gerakan Pulau Pinang perlu lebih adil dan menunjukkan rasa hormat kepada MCA dengan tidak menganggap MCA sebagai parti politik kelas bawahan yang mudah diperkotak-katikkan.

Timbalan Pengerusi MCA negeri, Datuk Koap Kar Huah, berkata sikap Gerakan negeri yang dingin dan tidak menghormati perasaan MCA sebelum ini tidak menggambarkan hubungan sebenar antara kedua-dua parti seperti 'abang' dan 'adik'.

Katanya, Gerakan perlu menghormati MCA sebagai parti komponen Barisan Nasional (BN) yang wujud sejak negara mencapai mula kemerdekaan.

Beliau berkata, parti yang diwakili pelbagai kaum tetapi dibayangi kaum Cina, harus mengakui status MCA sebagai parti komponen BN yang mewakili kepentingan kaum Cina yang lebih awal ditubuhkan.

"Gerakan hanya mula diterima baik di Pulau Pinang selepas menyertai BN pada 1970, sedangkan sebelum ini parti itu adalah pembangkang utama yang menentang BN (MCA) di negeri ini.

"Sebab itu Gerakan perlu menunjukkan rasa hormat dan bersikap adil kepada MCA.

"Mereka perlu lebih memahami perasaan MCA di negeri ini dan jangan memandang rendah MCA jika menghormati kami sebagai 'abang'," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin yang merujuk hubungan MCA-Gerakan seperti abang dan adik.

Beliau berkata demikian selepas majlis dialog bersama ahli dewan perniagaan, persatuan profesional dan organisasi komuniti mengenai penyediaan perkhidmatan jalur lebar di negeri ini.